

TAMBAH ILMU PENDIDIKAN, IT

Minat mendalam faktor utama kejayaan seseorang guru

DUNIA pendidikan sudah sebatil dalam jiwa Yahya.



Rafi Mamat

rencana@hmetro.com.my

Ada segelintir orang menjadi guru hari ini kerana tiada pilihan sedangkan kerjaya ini bukan main-main

**DATUK YAHYA
ZAINAL ABIDIN**

Guru perlu berusaha menambah ilmu dalam bidang pendidikan dan teknologi maklumat (IT) jika ingin terus dihormati pelajar pelbagai peringkat.

Itu nasihat tokoh pendidik yang juga Rektor Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (KUISAS) Pahang, Datuk Yahya Zainal Abidin, 62, apabila ditanya mengenai kerjaya perguruan.

Beliau yang berpengalaman mengajar di sekolah menengah di Pahang selama 25 tahun berkata, untuk menjadi guru yang berjaya, golongan pendidik perlu sentiasa berusaha menambah ilmu.

Katanya, minat mendalam dalam bidang pendidikan menjadi faktor utama kejayaan seseorang guru.

"Ada segelintir orang menjadi guru hari ini

kerana tiada pilihan sedangkan kerjaya ini bukan main-main.

"Ia perlu dilakukan dengan ikhlas. Sikap sambil lewa menyebabkan mereka tidak dapat memberi perhatian terhadap tugas dan mengajar hanya separuh hati," katanya yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Matematik.

Yahya pernah berkursus di Jepun bagi mendalami ilmu Matematik pada 1988 hingga pertengahan 1990.

Beliau pernah menjadi pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan (2006), Maran (2007), Pekan (2008) dan Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Pahang (2010)

Selain terkenal sebagai pendidik, anak kelahiran Kampung Pesagi Chenor, Maran, ini juga aktif sebagai penulis buku.

Sepanjang berkhidmat, beliau menerbitkan tujuh buku pendidikan pelbagai tajuk terutama bagi

memotivasikan pelajar dan ibu bapa antaranya Bapa Hebat dan Mendaki.

"Menulis buku juga tanggungjawab untuk mencurahkan ilmu kepada masyarakat terutama dalam aspek perubahan dunia pendidikan negara kini.

"Sebagai guru, kita bukan saja mengajar, malah perlu memperluaskan ilmu ke cabang lain yang lebih bermanfaat.

"Ini juga sebagai satu sumbangan untuk memartabatkan pembangunan anak bangsa. Bergelar guru seharusnya menjadi insan serba boleh," katanya.

Yahya yang memiliki Diploma Pendidikan dan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) turut memperkenalkan kempen membaca dalam kalangan guru ketika memikul tugas sebagai Pengarah Pendidikan Pahang dari 2011 hingga 2012.